

01/04/2001

Pegawai PSM sudah bankrap kuasa dan idea

Razali Yahya

DALAM mentadbirkan sesebuah negara, perkataan 'kuasa' bagaikan tidak boleh dipisahkan sama sekali. Dengan kuasa atau mandat yang dimiliki, seseorang itu secara tidak langsung dapat menentukan hala tuju atau memandu sesebuah negara itu menjadi lebih unggul atau sebaliknya. Ini membuktikan apabila seseorang itu berkuasa, dialah yang berperanan mencorakkan segala-galanya.

Kita ambil contoh paling mudah Amerika Syarikat, satu-satunya kuasa terbesar di dunia. Tindak-tanduk yang dilakukan dalam apa juga bidang, akan memberikan kesan mendalam kepada dunia. Terbaru, isu kelembapan ekonomi Amerika Syarikat sekali gus memberi impak yang besar terhadap negara lain di seluruh dunia termasuk Malaysia, negara yang kita cintai. Akibatnya, dengan kuasa yang dimiliki oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, beliau terpaksa memperkenalkan beberapa pendekatan tersendiri dalam usaha menangani atau mengimbangi ekonomi Malaysia agar tidak menjadi lebih teruk dan parah sebagaimana dialami beberapa negara lain di dunia.

Begitulah, betapa pentingnya 'kuasa' yang harus dimiliki oleh seseorang untuk melakukan sesuatu tanpa dapat dipertikaikan pihak lain sebagaimana kuasa yang didominasi oleh Amerika Syarikat. Inilah yang dapat kita samakan dengan nasib malang yang menimpa Persekutuan Sepaktakraw Malaysia (PSM). Satu ketika dahulu, Malaysia cukup digeruni oleh negara-negara serantau dan merupakan gergasi sukan sepak takraw. Ini kerana ianya adalah permainan tradisi negara ini yang menjadi kebanggaan nenek moyang kita. Disebabkan kita memang jaguh sukan berkenaan, pegawai-pegawai Malaysia juga turut 'menumpang tuah' dan menguasai persatuan di peringkat Asia. Ketika itu, apa yang diputuskan oleh PSM akan turut menjadi kata putus dalam Persatuan Sepak takraw Asia (Astaf).

Rupanya, langit tidak selalu cerah. Kini segala-gala sudah berakhir. Kuasa mutlak Malaysia dalam sukan sepak takraw direntap dengan rakus oleh musuh tradisi, Thailand sejak beberapa tahun yang lalu. Kini, mereka bukan sahaja menguasai sukan tradisi yang menjadi kebanggaan kita itu, malah pegawai-pegawai Thailand turut berkuasa sepenuhnya baik dalam Astaf mahupun Persekutuan Sepak Takraw Antarabangsa (Istaf). Inilah bencana mengaibkan yang melanda PSM. Kita semua rakyat Malaysia turut berasa terhina akibat 'servis maut' yang dihempuk oleh Thailand terhadap Malaysia. Pasukan negara terus menerus dimalukan oleh Thailand dalam apa juga kejohanan. Keunggulan musuh tradisi itu memang sukar digugat dan kita mungkin sekali lagi dapat melihat pasukan negara akan terus merana pada Sukan Sea XXI yang berlangsung di gelanggang sendiri, September ini.

Dalam situasi ini, Thailand sudah memberikan bayangan awal terhadap penguasaan mereka dalam sukan berkenaan. Bagaikan layang-layang putus tali, hasrat dan harapan Malaysia untuk melihat penggunaan kaedah pengiraan baru dalam sukan sepak takraw pada Sukan Sea, sama sekali sudah berkecai apabila badan induk antarabangsa, Istaf mengambil keputusan drastik mengekalkan kaedah kiraan lama diguna pakai dalam Sukan Sea di Kuala Lumpur. Dengan pendirian Istaf itu, ini bermakna sistem kiraan 15 mata dikekalkan, manakala kaedah baru dengan pengiraan 21 mata yang sudah diputuskan sebelum ini, dimansuhkan. Nampaknya, pertarungan di peringkat awal menyaksikan bahawa Malaysia sudah 'berputih mata'. Memang malang. Begitupun, sebagai rakyat Malaysia, kita masih mengharap pasukan negara mampu membuat kejutan di Sukan Sea nanti dan sekali gus menebus aib yang ditanggung sejak beberapa tahun lalu itu.

Inilah buktinya `kuasa' yang sudah dimiliki oleh Thailand dalam sukan sepak takraw sekarang. Pegawai mereka yang menjadi orang kuat dalam Astaf dan Istaf telah menggunakan pengaruh yang dimiliki untuk `menutup mulut' pegawai-pegawai PSM yang boleh diibaratkan "seperti anjing menyalak bukit". Ini kerana bukit tidak runtuh tetapi letih yang dapat. Hakikatnya memang benar. Sebelum ini, ada pegawai PSM telah mengeluarkan amaran atau ancaman jika kaedah pengiraan lama dikekalkan pada Sukan Sea XXI, Malaysia mencadangkan acara sepaktakraw mungkin digugurkan pada temasya dwitahunan di Kuala Lumpur. Ternyata... Siapalah Malaysia dalam sukan sepak takraw? Apa yang jelas, kita kini sudah kehilangan segala-galanya. Sudah hilang kuasa.

Seperti menang sorak kampung tergadai, pegawai-pegawai Malaysia hanya boleh `berkokok' dan tidak lebih daripada itu. Mereka kini umpama sudah `hilang kuku' dan `hilang taring' dan kata-kata mereka kini sudah tidak laku dan tidak berupaya untuk mengubah pendirian Astaf dan Istaf yang dikuasai oleh pegawai-pegawai musuh tradisi, Thailand. Kesian PSM. Ancaman Malaysia untuk menggugurkan acara sepak takraw dari Sukan Sea, langsung tidak menakutkan mereka. Sebaliknya Mejar Jeneral Charouck Arirachakaran yang bertindak sebagai presiden Istaf jelas tidak `makan gertak' dan tidak berasa tergugat dengan ancaman Malaysia itu. Malah, beliau dengan berani mengirimi kawat bertarikh 20 Mac 2001 untuk mengesahkan kaedah pengiraan lama akan tetap diguna pakai pada Sukan Sea di Kuala Lumpur.

Nampaknya, siapa gertak siapa? Presiden PSM, Datuk Saidin Tamby dalam satu kenyataan baru-baru ini kesal dengan keputusan badan induk antarabangsa itu yang baginya tidak mengikut prosedur. Beliau berpendapat mana boleh hanya seorang dua yang berkuasa dalam Istaf membuat keputusan. Sepatutnya, mereka harus mengadakan semula mesyuarat kongres sebagaimana ketika meluluskan penguatkuasaan sistem kiraan mata baru pada November lalu. Itu kata Saidin. Soalnya sekarang, siapa yang berkuasa? Mereka (Thailand) kini menguasai Astaf dan Istaf, sebarang keputusan di tangan mereka dan mereka juga dengan mudah mempengaruhi ahli majlis lain asalkan dapat "menutup mulut" musuh tradisi, Malaysia yang sudah hilang kuasa itu.

Umpama "lembu berpegang pada tali, manusia berpegang pada janji", kini ugutan PSM sudah gagal mengubah pendirian Istaf dalam isu kaedah pengiraan mata pada Sukan Sea, September ini. Soalnya sekarang, apakah PSM benar-benar bersedia untuk mencadangkan kepada pihak penganjur agar acara sepaktakraw digugurkan dalam senarai Sukan Sea XXI? Kita tidak nampak mengapa acara itu harus digugurkan dan kita juga percaya Majlis Olimpik Malaysia (MOM) tidak mungkin menerima cadangan itu yang lebih bersifat "rasa dendam" terhadap musuh tradisi Thailand. Ini kerana sebarang isu yang timbul mengenai acara sepaktakraw pada Sukan Sea nanti, boleh memberi kesan terhadap usaha melobi oleh Istaf dan Astaf dengan Majlis Olimpik Korea yang membayangkan akan mempertandingkan empat pingat emas pada Sukan Asia di Pusan tahun depan.

Berdasarkan kepada hakikat ini, nampaknya mahu tidak mahu PSM terpaksa menelan kepahitan dan akhirnya terpaksa mengalah dan tunduk kepada `kuasa' yang dimonopoli oleh Thailand. Pendirian pegawai-pegawai PSM dalam perkara ini dibayang sendiri oleh Saidin dengan mengatakan bahawa pihaknya hanya dapat berbincang di peringkat persatuan dan tidak akan membuat bantahan. Jika Istaf sudah membuat keputusan, kita ikut sajalah. Inilah hakikat dan pendirian pegawai-pegawai PSM yang semacam tidak lagi bermaya untuk memperjuangkan kebangkitan semula kuasa sepaktakraw di bumi Malaysia.

Paling ketara, pegawai-pegawai dalam PSM begitu `lamban' dalam mengambil tindakan apabila timbul sesuatu isu berhubung dengan sukan sepak takraw. Sudah banyak isu yang timbul termasuklah isu terbaru mengenai kekecohan membabitkan penyokong Selangor dan Kelantan dalam final Kejohanan Grand Prix Kebangsaan Terbuka Selangor, Ahad lalu. Sehingga sekarang, badan

induk kebangsaan itu belum berbuat sesuatu mengenainya. PSM sepatutnya bertindak pantas mengadakan mesyuarat serta mengambil pendekatan terbaik bagi menangani isu itu.

Kegagalan berbuat demikian mendedahkan lagi sikap lepas tangan, sebaliknya menyerahkan tanggungjawab itu kepada Jawatankuasa Pertandingan PSM dan Persatuan Sepaktakraw Selangor (PSS). Kita hairan mengapa PSM perlu mengambil masa lama untuk membincangkan dan menggariskan pendekatan bagi menangani kejadian memalukan itu. Apa yang pasti, tindak tanduk ini menjelaskan barisan kepimpinan PSM cukup tidak bermaya dan lemah. Jika inilah prinsip barisan PSM yang ada, kita bukan sahaja tidak mampu untuk bangkit semula sebagai gergasi sukan sepaktakraw, malah pegawai-pegawai Thailand akan terus selesa di kerusi empuk untuk terus memimpin Astaf dan Istaf. Nampaknya, pegawai-pegawai PSM akan terus terpinggir dan malu Malaysia dalam sukan sepaktakraw akan terus berpanjangan.

(END)